

03/09/2001

Lawatan Lee dijangka selesai pelbagai isu

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, lawatan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, bermula hari ini dijangka dapat menyelesaikan pelbagai isu dalam pakej hubungan dua hala kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu boleh menyelesaikan isu pembangunan antara Malaysia dan Singapura termasuk bekalan air, merobohkan Tambak Johor dan menggantikannya dengan jambatan serta pembinaan terowong untuk laluan kereta api.

"Pelbagai isu boleh diselesaikan," katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi hari ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Selain perjanjian baru bekalan air ke Singapura, isu dalam pakej itu membabitkan penempatan semula Pusat Pemeriksaan Kastam Malaysia di stesen kereta api Tanjung Pagar, pembangunan tanah kereta api milik Malaysia di Singapura, penggunaan ruang udara tentera udara Singapura dan pengeluaran wang pencen oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung yang bekerja di Singapura.

Ditanya sama ada Malaysia sedia membantu Singapura dalam menangani kesan kelembapan ekonomi negara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia sedia bekerjasama bagi membantu republik itu.

"Tiada masalah untuk membantu Singapura kalau ekonomi dia merosot. Boleh tolong.

"Kita suka kalau kita boleh tolong dia pulih semula. Negara itu adalah rakan dagang kita. Orang yang ada masalah, kita tidak boleh dapat keuntungan apa-apa," katanya.

Lee tiba di sini petang ini untuk lawatan empat hari bertujuan meningkatkan hubungan antara Singapura dan Malaysia. Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang disambut Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Lawatan terakhir Lee ke Malaysia ialah pada Ogos tahun lepas dan ketika itu beliau dan Dr Mahathir membincangkan pakej isu dua hala yang pernah menimbulkan ketegangan dalam hubungan kedua-dua negara.

Di Petaling Jaya, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yakin lawatan Lee dapat membuka laluan baru bagi menyelesaikan secara muktamad pakej isu hubungan dua hala yang masih tertangguh.

Syed Hamid berkata, perjumpaan sebelum ini gagal mencapai persefahaman kerana masing-masing berpegang kepada pendirian yang tegas, tetapi Singapura kini nampaknya lebih berminat berbincang mengenai isu berkenaan.

"Dalam pertemuan Lee dengan Dr Mahathir sebelum ini, beliau ada mengemukakan beberapa syor dan kita sudah pun memberi maklum balas.

"Bagaimanapun, masih ada jurang perbezaan pendapat yang memerlukan kata sepakat dan akan dibincangkan dalam lawatan kali ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Wisma Putra di Sunway Lagoon, hari ini.

Selain mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir, Lee juga dijadual bertemu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri kanan Malaysia.

Lee dan Dr Mahathir sudah berbincang mengenai isu berkenaan ketika lawatan menteri kanan itu ke Kuala Lumpur Ogos tahun lalu selaras persetujuan untuk menyelesaikannya secara pakej yang dicapai antara Perdana Menteri dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong pada 1998.

Difahamkan, Singapura menerima maklum balas daripada Dr Mahathir pada 7

Mac lalu menerusi Menteri Luar Singapura, S Jayakumar, yang memberitahu Parlimen negara itu bahawa ada perbezaan pendapat dalam sesetengah perkara yang dibincangkan dalam pertemuan Lee dan Dr Mahathir pada Ogos tahun lalu.

Syed Hamid berkata, Malaysia memang menaruh harapan tinggi terhadap lawatan Lee supaya kedua-dua negara dapat menumpukan perhatian terhadap usaha mengeratkan lagi hubungan dua hala.

Malah, katanya, berdasarkan perbincangan awal, kedua-dua pihak kini nampaknya lebih cenderung untuk menyelesaikan sekali gus semua isu dalam pakej berkenaan.

Beliau berkata, Lee juga akan membawa beberapa pemimpin muda Singapura dalam lawatan kali ini untuk berkenalan dengan pemimpin muda Malaysia sebagai langkah melicinkan urusan dua hala pada masa depan.

Syed Hamid menjelaskan bahawa satu rangkaian untuk mencapai kata sepakat dalam isu kepentingan bersama di kalangan pemimpin yang akan mengambil alih kepemimpinan kedua-dua negara perlu bagi menangani sebarang masalah semasa.

Katanya, selaras dengan dasar negara yang mengamalkan sikap terbuka, Lee juga akan berpeluang bertemu pelbagai golongan di Malaysia termasuk bekas menteri, Ahli Parlimen dan usahawan tempatan.

Lawatan kali ini juga akan dimanfaatkan oleh Wisma Putra untuk memberi penjelasan serta gambaran sebenar mengenai keadaan di Malaysia.

(END)